

Untuk Siaran Segera

Penampilan Bateri Cas Semula EVOLTA Baru Panasonic dan Kit Pengecas

Idea Eco dengan bilangan masa pengecasan sehingga 1600 kali

Kuala Lumpur, 12 Januari 2012 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd, peneraju dalam produk elektrik dan elektronik kini melancarkan barisan bateri cas semula EVOLTA yang boleh didapati dalam saiz berbeza iaitu AA dan AAA yang boleh diguna dengan segera dan dicas semula sehingga 1600 kali. Bateri-bateri ini juga dilengkapi dengan Kit Pengecas bagi kedua-dua saiz dengan menawarkan masa pengecasan dari 2, 8 hingga 10 jam.

Produk baru ini mampu menjadi peneraju dalam bateri cas semula yang tahan lama dan sesuai digunakan untuk pelbagai peralatan termasuklah gadget berteknologi terkini.

“Bateri cas semula merupakan satu produk yang ideal dalam menjaga persekitaran dan bertepatan dengan falsafah Idea Eco Panasonic,” kata Jeff Lee, Pengurus Besar Panasonic Malaysia. Beliau turut menambah, “Di Malaysia, jumlah pasaran untuk bateri Manganese, bateri alkaline dan bateri-bateri cas semula adalah dalam lingkungan 30%. Dengan pelancaran ini, kami berharap penumbuhan tahunan sebanyak 20%.”

“Bateri cas semula EVOLTA dan kit pengecas merupakan penyelesaian Panasonic kepada evolusi produk kuasa-bateri dan permintaan pengguna. Dengan menggunakan produk peka eco ini secara berterusan dalam pasaran, syarikat telah menjadikan kehidupan seharian manusia lebih selesa dan kondusif.”

Permintaan pasaran semasa adalah untuk bateri yang mempunyai jangka hayat lebih lama. Walau bagaimanapun, masih ramai pengguna yang masih bergantung kepada bateri alkaline, bateri cas semula EVOLTA kami telah terbukti meningkatkan permintaan yang lebih baik terhadap bateri tahan lama seperti dalam demonstrasi larian, renang dan berbasikal robot EVOLTA Panasonic semasa sidang akhbar di Tokyo 15 September 2011 lalu.

Tiga jenis robot EVOLTA ini, menggunakan kuasa tiga bateri cas semula EVOLTA bersaiz AA telah bersaing dan berjaya melengkapkan cabaran Triathlon Ironman di Hawaii sejauh 230km, dalam masa satu minggu atau 168 jam bermula daripada 24 Oktober 2011. Cabaran ini benar-benar membuktikan jangkahayat yang panjang bagi bateri cas semula EVOLTA.

Sebagaimana nama EVOLTA yang dipetik daripada perkataan “evolusi” dan ‘voltan”, bateri-bateri ini mewakili peningkatan dan kuasa yang besar bagi teknologi bateri Panasonic dalam struktur bateri, material dan proses pembuatannya.

Harga bagi siri cas semula EVOLTA adalah seperti berikut:

Bateri Cas Semula

| Model | Saiz | Keupayaan | Bilangan Pengecasan | Bil/Pek | RCP (RM)/Pek |
|-------------|------|-----------|---------------------|---------|--------------|
| HHR-3MVT/2B | AA | 2050mAh | 1600 | 2 | 35.90 |
| HHR-4MVT/2B | AAA | 800mAh | 1600 | 2 | 35.90 |
| HHR-3LVT/2B | AA | 1000mAh | 1500 | 2 | 19.90 |

Kit Pengecas

| Model | Masa Mengecas | Model Bateri | Bil. Bateri | RCP (RM)/Unit |
|---------|---------------|--------------|-------------|---------------|
| BQ-CC09 | 2 jam | HHR-3MVT | 4 | 149.90 |
| BQ-CC03 | 8 jam | HHR-3MVT | 4 | 99.90 |
| BQ-CC06 | 10 jam | HHR-3LVT | 2 | 49.90 |

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, pendingin hawa , kamera digital dan video, sistem kelengkapan penyiaran professional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran berita dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

###